



## KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada masalah yang dibangkitkan oleh pembaca melalui segmen Surat dalam Berita Harian pada 23 Mac 2009.

Dimaklumkan bahawa, masalah tersebut sememangnya sedia disedari oleh PPj dan kontraktor tersebut telah diingatkan untuk menyegerakan penyiapan ketiga-tiga buah perhentian (2 unit di Presint 14 dan 1 unit di Presint 16) yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

Memandangkan kelewatan penyiapan perhentian bas tersebut berpunca daripada beberapa masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan, pihak kontraktor telah diberi lanjutan masa sehingga pertengahan April nanti untuk melipatgandakan usaha bagi menyiapkannya.

PPj menghargai keprihatinan pembaca berhubung perkara ini dan pembaca serta orang ramai dialu-alukan membuat aduan atau cadangan penambahbaikan terus kepada talian aduan PPj iaitu 03-88873000.

  
( ROZIMAH WAHID )  
Penolong Pengarah Perhubungan Awam  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 23 Mac 2009